

**INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)****KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA SH 14/05/2025**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang / pecahan pengkhususan berkaitan yang masih berkuatkuasa bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

**KERJA-KERJA PENGALIHAN DAN PENGGANTIAN BULK METER STAND BERHAMPIRAN PINTU MASUK
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA**

NO. SEBUT HARGA & TARIKH PELAWAAN	SYARAT PENDAFTARAN	KOD BIDANG / PECAHAN PENGKHUSUSAN	LAWATAN TAPAK WAJIB	TARIKH EDARAN DOKUMEN (soft copy)	TARIKH TUTUP & SERAHAN DOKUMEN
SH 14/05/2025 6 JUN 2025 (JUMAAT)	Taraf Bumiputra Berdaftar dengan Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) GRED: G1 – G7 (Berdaftar di Kuala Lumpur & Selangor sahaja) SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA (SPAN)	CE20 (Sistem Bekalan Air) CE21 (Kerja-kerja Am Kejuruteraan Awam) Dan CE39 (Penyelenggaraan Sistem Bekalan Air) PERMIT IPA JENIS A1, A2, C4 dan D	 12 JUN 2025 (KHAMIS), JAM 10.00 PAGI DEWAN SAJIAN, BLOK D IKIM	13 JUN 2025 (JUMAAT) Hingga 19 JUN 2025 (KHAMIS) Dokumen: PERCUMA ISNIN – JUMAAT 8.00 PAGI – 4.00 PETANG	19 JUN 2025 (KHAMIS) (SEBELUM 12.00 TGH HARI)

2. Kontraktor-kontraktor hendaklah mengemukakan **Sijil-sijil Asal** berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen.
- i) SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA (JIKA BERKAITAN).
 - ii) SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN (CIDB)
 - iii) SIJIL PERMIT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA (SPAN)
 - iv) BERDAFTAR DENGAN AIR SELANGOR SDN. BHD.

Satu salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan IKIM sebelum / semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga. IKIM berhak menolak permohonan yang pada tanggapan IKIM tidak layak.

3. Kontraktor yang berminat **diwajibkan menghadiri taklimat kerja** seperti butiran di atas dengan membawa bersama dokumen pra kelayakan. Wakil syarikat **diwajibkan membawa bersama surat perwakilan dan cop rasmi syarikat**. Tawaran dianggap sebagai tidak sah dan tidak diperakui sekiranya kontraktor **tidak menghadiri** taklimat kerja.

4. Sila sertakan **salinan Sijil SSM, Pendaftaran Syarikat, Penyata Bank (3 bulan terkini) yang disahkan oleh pihak bank dan Penyata Kewangan yang beraudit (jika berkenaan) dan salinan surat pendaftaran Kastam (SST)** jika berkaitan.
5. Semua kos berkaitan dengan tawaran sebut harga dan perkhidmatan ini adalah menjadi tanggungjawab kontraktor.
6. IKIM tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. IKIM berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran sebut harga tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap (**sila buat dalam dua (2) salinan**) diisi beserta dokumen sokongan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan ditulis pada bahagian atas penjurukan kiri "**Dokumen Sebut Harga: SH 14/05/2025**" dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Kaunter Khidmat Pelanggan, Blok A Bawah, Institut Kefahaman Islam Malaysia sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari pada 19.6.2025 (KHAMIS)** dan dialamatkan seperti di bawah:-

**INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
NO. 2, LANGGAK TUNKU OFF JALAN TUANKU ABDUL HALIM,
50480, KUALA LUMPUR
TEL: 03-6204 6200 FAX: 03-6201 4189**

Dokumen Sebut Harga yang diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab tidak akan dilayan.